

[THE RELATIONSHIP BETWEEN STUDENTS' INTEREST AND TEACHERS' TEACHING EFFECTIVENESS AND THE SKILL OF USING MA 'ĀNĪ ḤURŪF AL-JARR]

HUBUNGAN ANTARA MINAT PELAJAR DAN KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU TERHADAP KEMAHIRAN MENGGUNAKAN MA 'ĀNĪ ḤURŪF AL-JARR

MOHD FADHLILLAH ABDUL PATAH^{1*}
ABDUL SALAM ZULKIFLI²

^{1*}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02000 Kuala
Perlis, Perlis, Malaysia
Email: m.fadhli@kqt.edu.my

Received: 18th April 2025

Accepted: 30th May 2025

Published: 1 June 2025

ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between students' interest in the Arabic language and teachers' teaching effectiveness with students' level of skill in using ma 'ānī ḥurūf al-jarr. The data obtained were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22.0. The research design employed a quantitative method with cross-tabulation analysis and Fisher's Exact Test to identify the statistical relationships between variables. The inferential findings indicate a significant association between both factors and students' skill levels. The correlation between students' interest and skill level was found to be significant ($p = 0.004$, $n = 100$), while the correlation between teachers' teaching effectiveness and students' skill level was also significant ($p = 0.018$, $n = 100$). The relationship between students' interest and skill was of moderate strength ($V = 0.313$), whereas the relationship between teachers' teaching effectiveness and students' skill was weak but significant ($V = 0.277$). These results indicate that students' interest plays a crucial role in enhancing mastery of Arabic grammar, particularly in the aspect of ma 'ānī ḥurūf al-jarr, while teachers' teaching effectiveness also contributes, albeit to a lesser extent. The study emphasizes the need to balance students' internal factors and teachers' pedagogical approaches to strengthen Arabic language learning holistically.

Keywords: Ma 'ānī Hurūf Al-Jarr, Students' Interest, Teachers' Teaching Effectiveness, Significant Relationship, Internal and External Factors

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara minat pelajar terhadap bahasa Arab dan keberkesanan pengajaran guru dengan tahap kemahiran pelajar dalam menggunakan ma 'ānī ḥurūf al-jarr. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan analisis tabulasi silang dan menggunakan ujian Fisher's Exact bagi mengenalpasti hubungan statistik antara pemboleh ubah. Dapatan inferensi kajian menunjukkan terdapat perkaitan signifikan antara kedua-dua faktor tersebut dengan tahap kemahiran pelajar. Korelasi faktor minat terhadap tahap kemahiran pelajar ($p = 0.004$, $n = 100$). Manakala, korelasi faktor keberkesanan pengajaran guru terhadap kemahiran pelajar ($p = 0.018$, $n = 100$). Hubungan antara

minat pelajar dan kemahiran didapati berada pada tahap sederhana ($V = 0.313$), manakala hubungan antara keberkesanan pengajaran guru dan kemahiran pelajar berada pada tahap lemah tetapi signifikan ($V = 0.277$). Hasil ini menunjukkan bahawa minat pelajar berperanan penting dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa Arab, khususnya aspek *ma'ānī ḥurūf al-jarr*, manakala keberkesanan pengajaran guru turut menyumbang walaupun dengan kesan yang lebih kecil. Kajian ini menegaskan keperluan untuk menyeimbangkan antara faktor dalaman pelajar dan pendekatan pedagogi guru bagi memperkukuh pembelajaran bahasa Arab secara menyeluruh.

Kata kunci: *Ma'ānī Ḥurūf Al-jarr*, Minat Pelajar, Keberkesanan Pengajaran Guru, Hubungan Signifikan, Faktor Dalam dan Luaran

PENGENALAN

Ḥurūf al-jarr merupakan komponen penting dalam ilmu nahu bahasa Arab yang berfungsi sebagai penghubung antara perkataan dan berperanan menjarkan isim selepasnya. Selain fungsi tatabahasa, *ḥurūf al-jarr* turut mempunyai peranan semantik yang besar kerana ia membawa pelbagai makna bergantung kepada konteks penggunaannya (Al-Ani, 1970; Badawi et al., 2004). Sebagai contoh, huruf *fī* (في) lazimnya bermaksud “di dalam”, namun dalam konteks tertentu, ia juga boleh merujuk kepada masa atau kedudukan yang bersifat abstrak. Justeru, penguasaan huruf ini tidak hanya terbatas pada pengetahuan bentuknya, tetapi turut melibatkan pemahaman terhadap pelbagai nuansa makna yang muncul dalam konteks linguistik dan wacana yang berbeza. Oleh itu, kefahaman terhadap fungsi *ḥurūf al-jarr* perlu dilihat secara menyeluruh melalui penguasaan aspek nahu dan semantik bahasa Arab (Abdul-Raof, 2006; Hasan, 1993).

Kelemahan pelajar dalam memahami makna dan fungsi *ḥurūf al-jarr* boleh menimbulkan kekeliruan dalam penganalisisan struktur ayat serta penafsiran kandungan teks, khususnya apabila satu huruf membawa pelbagai makna dalam situasi yang berbeza. Hal ini menjadi lebih ketara dalam pembacaan teks keagamaan, di mana kesilapan dalam memahami makna huruf jar boleh membawa kepada tafsiran teologi yang tidak tepat (Khalil, 2011; Al-Zamakhshari, 2009).

Banyak kajian telah dijalankan berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran serta pencapaian pelajar sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Antara fokus kajian tersebut termasuklah hubungan antara konsep sendiri, motivasi, dan tahap pencapaian pelajar. Menurut Crow dan Crow (1983), tahap pencapaian seseorang pelajar dalam proses pembelajaran banyak bergantung kepada sikap, minat, serta motivasi yang berterusan.

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran dan keputusan ujian pelajar sama ada di sekolah atau di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Konsep sendiri dan motivasi pencapaian turut memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan akademik. Crow dan Crow (1983) menegaskan bahawa tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran sangat bergantung kepada sikap, minat, dan motivasi yang konsisten. Tambahan

pula, pengajaran yang berkualiti disampaikan oleh guru yang mempunyai keupayaan pedagogi yang tinggi juga turut menyumbang kepada prestasi dan penguasaan pelajar (Mohammad Abdillah et al., 2014). Oleh itu, faktor-faktor ini perlu dikenal pasti bagi menilai kekuatan pelajar dalam usaha mengembangkan potensi diri mereka.

Pembelajaran di institusi pengajian tinggi pula merupakan bentuk pembelajaran formal yang berorientasikan teori pencapaian dan dinilai secara sistematik oleh pihak berwajib. Pelajar yang menamatkan pengajian akan diberikan pengiktirafan melalui penganugerahan ijazah. Matlamat utama institusi pengajian tinggi adalah untuk melahirkan graduan yang cemerlang bukan sahaja dalam akademik, tetapi juga dalam aspek sahsiah. Kejayaan ini merupakan hasil daripada usaha berterusan dan bukan semata-mata bergantung pada tahap kecerdasan intelektual. Oleh yang demikian, pelbagai faktor perlu diambil kira dalam memahami aspek pembelajaran pelajar di peringkat pengajian tinggi, khususnya dalam penguasaan menggunakan *ma'ānī ḥurūf al-jarr*.

Faktor Minat

Faktor dalaman dalam pembelajaran banyak bergantung pada minat dan penerimaan individu terhadap kepentingan penguasaannya. Minat seseorang dapat dilihat melalui corak tingkah lakunya dan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesuatu usaha (Yahaya et al., 2007). Menurut Slameto (2013), minat merupakan kecenderungan yang tetap untuk memberi perhatian dan mengingati sesuatu aktiviti. Apabila seseorang mempunyai minat terhadap sesuatu perkara, dia akan menunjukkan rasa tertarik yang mendalam dengan memberi perhatian secara berterusan serta disertai perasaan seronok. Perasaan seronok ini akhirnya melahirkan rasa kepuasan. Kecenderungan ini dapat dilihat melalui perhatian yang lebih terhadap sesuatu perkara, yang seterusnya mendorong individu untuk berusaha lebih gigih mempelajarinya.

Dalyono (2005) pula menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai minat belajar yang tinggi cenderung memperoleh prestasi yang baik, manakala mereka yang kurang berminat biasanya menunjukkan prestasi yang rendah. Minat boleh timbul hasil daripada daya tarikan luaran atau dorongan dalaman. Seseorang yang mempunyai minat yang kuat akan lebih mudah mencapai matlamat yang diminatinya. Minat belajar juga boleh timbul disebabkan oleh beberapa faktor seperti keinginan untuk memperoleh pekerjaan yang baik, memperbaiki taraf hidup, serta mencapai kebahagiaan. Seiring dengan pandangan tersebut, Slameto (2013) turut menegaskan bahawa minat belajar mempunyai pengaruh besar terhadap prestasi pelajar. Jika bahan pembelajaran tidak sesuai dengan minat pelajar, mereka tidak akan belajar dengan baik. Pembelajaran yang dilakukan tanpa minat akan menjadikan pelajar mudah berasa bosan, malas, serta tidak memperoleh kepuasan dalam proses pembelajaran.

Secara keseluruhannya, minat mempengaruhi emosi dan tindak balas individu terhadap orang lain, kumpulan, objek, atau isu tertentu. Ia terbentuk melalui dorongan dalaman, kebiasaan yang dipelajari, serta pengaruh persekitaran. Dalam konteks pendidikan, minat pelajar boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor situasi dan dapat dilihat melalui proses peniruan,

pengalaman, dan sentimen terhadap sesuatu. Pembentukan minat yang positif boleh dirangsang melalui pelbagai pendekatan seperti perbincangan formal, penerapan nilai, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, serta pembudayaan suasana sekolah yang kondusif.

Faktor Keberkesanan Pengajaran

Guru merupakan komponen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan dikira sebagai faktor luaran. Meskipun sistem pendidikan masa kini mengalami pelbagai perubahan, peranan guru tetap menjadi elemen yang tidak dapat diketepikan dalam dunia pendidikan (Azman & Goh, 2010). Menurut Ahmad Rizal & Nurul Akmar (2005), faktor pensyarah merupakan antara aspek yang mempengaruhi kejayaan pelajar. Kajian oleh Wan Hanim Nadrah & Muhd Azuanafzah (2017) pula menunjukkan bahawa faktor pensyarah adalah unsur yang paling dominan dalam menentukan tahap pencapaian pelajar. Hal ini disokong oleh dapatan Zamri & Al Muslim (2014) yang menegaskan bahawa keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, yang biasanya diukur melalui prestasi pelajar, sebenarnya bergantung kepada tahap kualiti guru yang mengajar.

Menurut McNergney & Caldwell (1988), kepimpinan pensyarah di dalam bilik kuliah memberikan kesan positif terhadap hasil pembelajaran pelajar, khususnya dari aspek tingkah laku, sikap dan pencapaian akademik. Kajian mereka mendapati bahawa terdapat tujuh faktor utama yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran seorang pensyarah, iaitu wujudnya suasana pembelajaran yang kondusif dan tenteram, kemahiran serta ketrampilan pensyarah, pengurusan masa yang mencukupi, kelengkapan peralatan yang memadai, pemberian penghargaan yang sewajarnya, pemantauan terhadap kemajuan pelajar, serta pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang berkesan. Sementara itu, George (1976) menegaskan bahawa pengajaran yang berkesan ialah pengajaran yang mampu merangsang dan meningkatkan proses pembelajaran dalam diri pelajar. Pembelajaran yang efektif hanya dapat berlaku dalam suasana yang positif, penuh semangat, dan bersifat demokratik. Melalui proses pembelajaran yang berkesan, pelajar akan mengalami perubahan tingkah laku hasil daripada penerimaan ilmu dan nilai baharu. Perkembangan pelajar yang dicapai melalui proses ini merangkumi dimensi jasmani, emosi, rohani, serta intelek secara menyeluruh.

Kualiti guru bahasa Arab, misalnya, perlu dinilai berdasarkan empat dimensi utama secara menyeluruh, iaitu kelayakan akademik guru, personaliti dan perwatakan, amalan pengajaran, serta hasil pembelajaran pelajar. Berdasarkan pelbagai kajian terdahulu ini, jelaslah bahawa faktor pensyarah atau guru memainkan peranan penting dan menjadi salah satu penentu utama dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Faktor yang terdiri daripada minat terhadap bahasa Arab dan keberkesanan pengajaran guru membawa kepada dua hipotesis kajian iaitu:

Hipotesis Pertama

Minat bermaksud keinginan untuk mendapatkan sesuatu perkara atau ilmu. Dengan meningkatnya minat seseorang pelajar akan meningkatkan lagi penguasaan *ma'ānī ḥurūf al-jarr* dan ini membawa kepada hipotesis pertama:

Ho1: Tiada perkaitan signifikan di antara minat pelajar terhadap bahasa Arab dengan tahap pencapaian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr.

Hipotesis Kedua

Keberkesanan pengajaran adalah perantara penting dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Dalam menyampaikan sesuatu pengajaran khususnya pengajaran ma'ānī ḥurūf al-jarr, penggunaan kaedah yang sesuai dan menarik adalah elemen yang sangat penting dan ini membawa kepada hipotesis kedua:

Ho2: Tiada perkaitan signifikan di antara keberkesanan pengajaran guru dengan tahap pencapaian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif dan inferensi. Seramai 100 orang responden dipilih sebagai sampel kajian daripada sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dipilih iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Satu set soalan ujian kefahaman menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr dan soal selidik tahap minat dan tahap keberkesanan pengajaran guru digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif tabulasi silang dan kaedah analisis inferensi menggunakan ujian korelasi.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Deskriptif

Jadual tabulasi silang menunjukkan corak kekerapan pelajar berdasarkan tahap minat terhadap bahasa Arab yang dinyatakan oleh pelajar cemerlang, sederhana dan lemah dalam pencapaian ujian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr. Secara keseluruhannya, majoriti pelajar terbahagi kepada tahap sederhana dan tinggi. Secara terperinci, berdasarkan Jadual 1 dapatan kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab (N=40), 17 orang (42.5%) daripada mereka dalam kalangan pelajar lemah, diikuti pelajar sederhana juga seramai 17 orang (42.5%) dan pelajar cemerlang seramai 6 orang (15%).

Selain itu, pelajar yang mempunyai minat yang sederhana terhadap bahasa Arab (N=51), 41 orang (80.4%) daripada mereka dalam kalangan pelajar lemah, diikuti pelajar sederhana seramai 8 orang (15.7%) dan pelajar cemerlang seramai 2 orang (3.9%).

Jadual 1: Hubungan antara dua pemboleh ubah “minat terhadap bahasa Arab” dan “tahap kemahiran pelajar menggunakan ma‘ānī ḥurūf al-jarr” (N=100)

		Tahap Pelajar Dalam Kemahiran Menggunakan Ma‘ānī Ḥurūf Al-Jarr			Jumlah
		Pelajar Lemah	Pelajar Sederhana	Pelajar Cemerlang	
Minat	Rendah	9 (100%)	0 (0%)	0 (0%)	9
	Sederhana	41 (80.4%)	8 (15.7%)	2 (3.9%)	51
	Tinggi	17 (42.5%)	17 (42.5%)	6 (15%)	40
Jumlah		67	25	8	100

Manakala pelajar yang mempunyai minat yang rendah terhadap bahasa Arab (N=9), kesemuanya adalah dalam kalangan pelajar yang lemah dalam pencapaian ujian kemahiran menggunakan ma‘ānī ḥurūf al-jarr.

Jadual 2: Hubungan antara dua pemboleh ubah “keberkesanan pengajaran guru” dan “tahap kemahiran pelajar menggunakan ma‘ānī ḥurūf al-jarr” (N=100)

		Tahap Pelajar Dalam Kemahiran Menggunakan Ma‘ānī Ḥurūf Al-Jarr			Jumlah
		Pelajar Lemah	Pelajar Sederhana	Pelajar Cemerlang	
Keberkesanan Pengajaran	Rendah	27 (93.1%)	2 (6.9%)	0 (0%)	29
	Sederhana	31 (58.5%)	15 (28.3%)	7 (13.2%)	53
	Tinggi	9 (50%)	8 (44.4%)	1 (5.6%)	18
Jumlah		67	25	8	100

Jadual 2 menunjukkan pelajar yang menyatakan keberkesanan pengajaran guru adalah pada tahap yang tinggi (N=18), 1 orang (5.6%) daripada mereka dalam kalangan pelajar lemah dalam pencapaian ujian kemahiran menggunakan ma‘ānī ḥurūf al-jarr, diikuti pelajar sederhana seramai 8 orang (44.4%) dan pelajar cemerlang seramai 9 orang (50%). Selain itu, pelajar yang menyatakan keberkesanan pengajaran guru adalah pada tahap yang sederhana (N=53), 31 orang (58.5%) daripada mereka dalam kalangan pelajar lemah dalam pencapaian ujian kemahiran menggunakan ma‘ānī ḥurūf al-jarr, diikuti pelajar sederhana seramai 15 orang (28.3%) dan pelajar cemerlang seramai 7 orang (13.2%). Manakala, pelajar yang menyatakan keberkesanan pengajaran guru adalah pada tahap yang rendah (N=29), 27 orang (93.1%) daripada mereka dalam kalangan pelajar lemah dalam pencapaian ujian kemahiran menggunakan ma‘ānī ḥurūf al-jarr, dan diikuti pelajar sederhana seramai 2 orang (6.9.3%).

Analisis Inferensi

Bagi menentukan sama ada terdapat hubungan korelasi antara minat pelajar terhadap bahasa Arab dan pencapaian mereka dalam ujian kemahiran menggunakan ma‘ānī ḥurūf al-jarr, ujian kebebasan Chi-square digunakan bagi menentukan samada hipotesis yang dikemukakan

ditolak atau diterima. Walaubagaimanapun, berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, ujian kebebasan Chi-square tidak dapat dijalankan kerana ia tidak memenuhi syarat iaitu nilai jangkaan (*expected frequency*) bagi setiap sel adalah perlu ≥ 5 . Oleh itu, ujian alternatif *Fisher's Exact Test* digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara pemboleh ubah (White & Korotayev, 2014)

Keputusan ujian Fisher's Exact menunjukkan bahawa korelasi antara minat pelajar terhadap bahasa Arab dengan tahap pencapaian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr ($p = 0.004$, $n = 100$). Manakala, korelasi antara keberkesanan pengajaran guru dengan tahap pencapaian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr ($p = 0.018$, $n = 100$). Jadual 3 dan 4 merumuskan dapatan yang diperolehi dalam menjawab persoalan hipotesis yang dikaji.

Jadual 3: Korelasi Faktor Minat Terhadap Kemahiran Pelajar

Faktor	Nilai Ujian Fisher	Aras Signifikan	Status Ho1
Minat	0.004	0.05	Berjaya ditolak

Jadual di atas menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara minat pelajar terhadap bahasa Arab dengan tahap pencapaian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr. Ini bermakna status H_{01} berjaya ditolak.

Jadual 4: Korelasi Faktor Keberkesanan Pengajaran Terhadap Kemahiran Pelajar

Faktor	Nilai Ujian Fisher	Aras Signifikan	Status Ho1
Minat	0.018	0.05	Berjaya ditolak

Jadual di atas menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara keberkesanan pengajaran guru dengan tahap pencapaian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr. Ini bermakna status H_{02} berjaya ditolak. Sehubungan dengan itu, Jadual 5 menunjukkan kekuatan hubungan korelasi antara pemboleh ubah minat terhadap bahasa Arab dan pemboleh ubah keberkesanan pengajaran guru dengan tahap penguasaan kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr didapati berada pada tahap lemah dan sederhana. Hubungan antara pemboleh ubah diukur berdasarkan interpretasi Phi and Cramer's V yang dikemukakan oleh Rea & Parker (1992).

Jadual 5: Interpretasi Hubungan Korelasi

	Nilai Korelasi (V)	Tahap
Minat - Penguasaan	0.313	Sederhana
Keberkesanan - Penguasaan	0.277	Lemah

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan signifikan antara tahap minat pelajar terhadap bahasa Arab dengan tahap pencapaian kemahiran menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr. Hal ini menandakan bahawa semakin tinggi minat pelajar terhadap bahasa Arab, semakin tinggi juga tahap penguasaan mereka terhadap aspek tatabahasa tersebut. Menurut Krashen (1982), faktor afektif seperti minat dan motivasi mempunyai pengaruh langsung terhadap pemerolehan bahasa kerana ia dapat mengurangkan halangan emosi serta meningkatkan keterbukaan pelajar terhadap input bahasa. Oleh itu, dapatan ini menggambarkan bahawa minat bukan sekadar dorongan psikologi, tetapi juga menjadi asas penting dalam keberkesanan pembelajaran bahasa Arab, khususnya dalam aspek struktur dan makna ḥurūf al-jarr yang bersifat halus dan kontekstual.

Selain itu, tahap kekuatan hubungan sederhana yang diperoleh berdasarkan pekali Cramer's V menunjukkan bahawa walaupun minat pelajar mempunyai kesan yang signifikan terhadap kemahiran penggunaan ma'ānī ḥurūf al-jarr, masih terdapat faktor lain yang turut memainkan peranan dalam menentukan tahap pencapaian tersebut. Menurut Tabachnick & Fidell (2019), kekuatan hubungan sederhana menunjukkan pengaruh yang konsisten tetapi tidak mutlak, menandakan bahawa pembolehubah lain seperti latar belakang linguistik, pendedahan terhadap bahan autentik, serta kaedah pengajaran turut memberi impak terhadap pencapaian bahasa. Ini juga sejajar dengan dapatan kajian oleh Al-Zahrani (2017) yang mendapati bahawa minat yang tinggi terhadap bahasa Arab dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam kemahiran nahu dan sarf, namun faktor pedagogi dan sokongan guru tetap menjadi pemangkin utama keberhasilan pelajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perkaitan signifikan antara keberkesanan pengajaran guru dengan tahap pencapaian kemahiran pelajar dalam menggunakan ma'ānī ḥurūf al-jarr. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah dan pendekatan pengajaran guru tetap mempunyai pengaruh terhadap tahap penguasaan pelajar terhadap aspek tatabahasa ini, walaupun tidak menjadi satu-satunya faktor penentu utama. Menurut Richards dan Rodgers (2014), keberkesanan pengajaran banyak bergantung kepada sejauh mana guru dapat memilih pendekatan yang sesuai dengan keperluan pelajar dan ciri linguistik bahasa sasaran. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, keberkesanan pengajaran guru yang menggabungkan kaedah komunikatif, penerangan konteks ayat dan contoh praktikal dapat membantu pelajar memahami penggunaan huruf jar dengan lebih jelas.

Walaupun kekuatan hubungan yang diperoleh adalah lemah, implikasi dapatan ini masih penting untuk dipertimbangkan dalam konteks peningkatan kualiti pengajaran bahasa Arab. Keberkesanan pengajaran yang lebih tinggi berpotensi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap aspek tatabahasa yang kompleks seperti ma'ānī ḥurūf al-jarr, terutamanya jika disokong dengan pendekatan pengajaran yang interaktif dan berpusatkan pelajar. Hal ini selaras dengan pandangan Al-Khuli (2010) bahawa pengajaran bahasa Arab yang berkesan perlu memberi tumpuan kepada makna dan fungsi struktur dalam konteks komunikasi sebenar, bukan sekadar hafalan bentuk tatabahasa. Oleh itu, walaupun hubungan antara keberkesanan

pengajaran guru dan kemahiran pelajar didapati lemah, usaha memperkukuh strategi pengajaran tetap relevan dan penting bagi meningkatkan pencapaian keseluruhan pelajar dalam memahami struktur nahu Arab.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara minat pelajar dan keberkesanan pengajaran guru dengan tahap kemahiran menggunakan *ma'ānī ḥurūf al-jarr*, masing-masing pada tahap kekuatan sederhana dan lemah. Ini membuktikan bahawa kedua-dua faktor tersebut mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pelajar, walaupun dengan tahap kesan yang berbeza. Minat pelajar didapati menjadi pemangkin utama kepada motivasi dan tumpuan dalam memahami aspek tatabahasa yang sukar, manakala keberkesanan pengajaran guru walaupun memberi pengaruh kecil, tetap signifikan dalam membantu proses pembelajaran. Oleh itu, peningkatan kemahiran pelajar dalam penggunaan *ma'ānī ḥurūf al-jarr* memerlukan keseimbangan antara pendekatan pengajaran guru yang berkesan dan usaha membangkitkan minat intrinsik pelajar.

RUJUKAN

- Abdul-Raof, H. (2006). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. Routledge.
- Ahmad Rizal Madar & Nurul Akmar Kamaruddin. (2005)/ Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran Kejuruteraan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*, 2005, 52-59.
- Al-Ani, S. H. (1970). *Arabic phonology: An acoustical and physiological investigation*. Mouton.
- Al-Khuli, M. A. (2010). *Teaching Arabic as a foreign language: Approaches and methods*. Riyadh: Dar Al-Ma'arif.
- Al-Zahrani, M. (2017). *The relationship between motivation and Arabic grammar learning achievement among non-native learners*. *Journal of Arabic Linguistics Studies*, 9(2), 45–62.
- Al-Zamakhshari, J. (2009). *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil* (Vol. 1–4). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis, *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 9-21.
- Badawi, E., Carter, M. G., & Gully, A. (2004). *Modern written Arabic: A comprehensive grammar*. Routledge.
- Crow, L.D. & Crow, A. (1983). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dalyono M. (2005). *Psikologi Pendidikan*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- George, J. W. (1976). *Psychology for Effective Teaching*. Third Edition. New York: Holt and Rinehart Incorporation.
- Hasan, A. Y. (1993). *Linguistic and cultural translation problems: A study of Quranic translations*. Islam International Publications.
- Kemanusiaan Bil. 22. Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalil, M. A. (2011). *The Qur'anic term kalala: Its linguistic and contextual meaning*. International Islamic University Malaysia.
- Krashen, S. D. (1982). *Principles and practice in second language acquisition*. Oxford: Pergamon Press.
- McNergney, D. M. (1982). Teacher Effectiveness. *Encyclopedia of Educational Research*. Fifth Edition. New York: The Free Press.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin. (2014). Hubungan antara kualiti guru Bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab. *Jurnal*
- Rea, L. M., & Parker, R. A. (1992). *Designing and Conducting Survey Research: A Comprehensive Guide*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Richards, J. C., & Rodgers, T. S. (2014). *Approaches and methods in language teaching* (3rd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1–22.

- Slameto. (2013). *Belajar dan Faktor- Faktor yang Mempengaruhinya*. Jakarta:PT Bina Aksara.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2019). *Using multivariate statistics* (7th ed.). Boston, MA: Pearson Education.
- Wan Hanim Nadrah Wan Mudadan & Muhd Azuanafzah Azmi. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Matematik di FPTV UTHM, <https://www.researchgate.net>. [5 Februari 2019].
- Zamri Arifin & Al Muslim Mustapa. (2014). Kualiti guru bahasa Arab dalam konteks Malaysia: menangani persoalan asas, *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*, 2014, 320-332.